

07 NOV 1998

Mahathir-Sisa

DR MAHATHIR SARAN KILANG GUNA PUSAT BERSEPADU PENGURUSAN SISA

PORT DICKSON, 7 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kilang patut menjadikan perbelanjaan memproses sisa buangan terjadual mereka sebagai sebahagian daripada kos keseluruhan dan menggunakan sepenuhnya kemudahan di Pusat Bersepadu Pengurusan Buangan Terjadual di Bukit Nanas, dekat sini.

Perdana Menteri berkata kebanyakan kilang masih suka menyimpan sisa itu di kilang mereka kerana cara itu tidak melibatkan bayaran mahal, walaupun sepatutnya mereka mesti sanggup membuat pembayaran untuk tujuan itu.

"Kerajaan akan mengawasi dan berharap pihak industri tidak mengelak daripada menggunakan pusat ini untuk menjimatkan kos mereka. Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap industri yang membuang sisa terjadual dengan cara yang tidak diizinkan," katanya semasa merasmikan Pusat Bersepadu Pengurusan Buangan Terjadual di Bukit Nanas, kira-kira 22km dari sini hari ini.

Pusat itu yang pertama seumpamanya di negara ini mula dibina Julai 1995 dan siap sepenuhnya Jun tahun ini. Ia beroperasi secara berperingkat-peringkat mulai Oktober 1996 dan kini beroperasi sepenuhnya.

Pusat berharga kira-kira RM318 juta itu yang dikendalikan oleh Kualiti Alam Sdn Bhd melalui konsesi selama 15 tahun boleh merawat kesemua 107 buangan terjadual yang disenaraikan mengikut Peraturan Alam Sekitar (Sisa Terjadual) 1989 kecuali sisa radioaktif, patologi dan sisa letupan.

Dr Mahathir berkata kerajaan bertanggungjawab mewujudkan pusat untuk memproses sisa terjadual industri supaya ia tidak berbahaya kepada orang ramai tetapi kadang-kadang ada pihak yang tidak bertanggungjawab dalam soal membuang sisa industri.

"Kita perlu kepada bentuk budaya yang lebih sesuai dengan negara ini yang ingin mengadakan industri yang canggih," katanya.

Sebagai negara pertanian dahulunya tidak ada masalah mengenai pembuangan sisa terjadual tetapi kini dalam menuju negara perindustrian industri mesti sanggup berbelanja untuk memproses sisa terjadual daripada industri mereka, kata beliau.

Bagaimanapun, katanya, satu daripada masalah yang dihadapi ialah kedudukan industri yang bertaburan di seluruh negara dan kebanyakannya berjauhan daripada pusat bersepadu ini yang menyebabkan kos pengangkutan sisa meningkat.

Oleh itu satu cara untuk mengurangkan kos pengangkutan dan cara pengangkutan yang tidak mendatangkan bahaya mesti diwujudkan kerana adalah tidak mungkin untuk membina pusat seperti ini di banyak tempat, katanya.

Beliau berkata bayaran untuk memproses sisa di pusat itu memerlukan bayaran yang agak tinggi kerana pusat ini menggunakan teknologi tinggi, dan teknologi tinggi adalah mahal.

Katanya pelabur mesti mengambilkira kedudukan pusat bersepadu itu ketika melabur di negara ini kerana kedudukan industri yang berhampiran dengannya akan memberi kelebihan daripada segi kos kepada pelabur.

"Pada awalnya kerajaan menghadapi masalah untuk mencari tempat bagi membina pusat bersepadu ini sedangkan pada masa yang sama kita mengakui pusat seperti ini amat penting untuk negara," katanya.

Katanya, beliau yakin pengurusan pusat bersepadu itu akan sentiasa memastikan saki baki sisa tidak disalurkan ke sungai dan parit berdekatan kerana ini bukan sahaja menyebabkan kehidupan di sungai mungkin mati tetapi juga boleh mendatangkan bahaya kepada penduduk.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata, pusat bersepadu itu 100 peratus tidak mencemarkan alam sekitar.

Ketika ditanya mengenai pihak industri yang meminta kos bagi pelupusan sisa di situ dikurangkan, beliau berkata ia terpulang kepada industri-industri dan Kualiti Alam Sdn Bhd untuk berunding mengenainya.

"Saya yakin kos boleh diturunkan jika kesemua 3,000 industri yang mengeluarkan buangan terjadual menggunakan pusat ini untuk membolehkan kapasitinya digunakan sepenuhnya.

"Tetapi bila ada kilang yang tidak hendak (gunakannya), kosnya akan tinggi disebabkan kemudahan yang ada tidak digunakan sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata setakat ini sebanyak 757 industri telah menandatangani perjanjian dengan Kualiti Alam Sdn Bhd untuk menghantar sisa buangan terjadual ke pusat itu.

Pengarah Urusan Kualiti Alam Sdn Bhd Zainol Rashid Zainuddin pula berkata setakat ini pusat itu telah menerima 63,000 metrik tan sisa buangan terjadual yang merupakan jumlah penggunaan yang sangat rendah berbanding keupayaan sebenarnya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Pengerusi Kualiti Alam Sdn Bhd Tan Sri Razali Ismail.

-- BERNAMA

AZ RP AKD